

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS SAMBUTAN HARI KUALITI UPP  
Lokasi :  
Tarikh : 09-12-1996

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.Bhg. Ketua Pengarah, UPP kerana telah menjemput saya untuk menghadiri Majlis Sambutan Hari Kualiti, UPP tahun 1996 pada pagi ini. Majlis ini memberi kesempatan kepada saya melihat dengan lebih dekat lagi setakat mana kemajuan yang telah tercapai dalam usaha-usaha pembaharuan dan peningkatan kualiti yang telah dilaksanakan oleh UPP sepanjang tahun ini.

2. Saya percaya bahawa kejayaan-kejayaan, inovasi dan peningkatan kualiti yang dipamerkan sempena sambutan Hari Kualiti ini juga memberi galakan kepada Jabatan dan Agensi lain untuk turut mengambil tindakan pembaharuan dan inovasinya sendiri bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan mereka.

3. Proses perubahan yang berlaku disekitar kita menuntut supaya Kualiti Perkhidmatan Awam dipertingkatkan ketahap yang lebih cemerlang. Perubahan ini termasuklah kemajuan dalam bidang sains dan teknologi dan penggunaan teknologi maklumat yang meluas dalam pengurusan; persilangan ekonomi di peringkat global yang mencabar comparative advantage yang ada pada kita selama ini.

Oleh itu perkhidmatan awam, mahu tidak mahu mesti berubah, kalau tidak, pasti akan ketinggalan - out of tune dan out of step dengan perkembangan dan kehendak semasa. Oleh itu Kualiti dan Produktiviti Perkhidmatan Awam perlulah diperkembangkan. Salah satu aspek pengurusan yang perlu dipertingkatkan adalah pengurusan kewangan awam. Arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling telah dikeluarkan untuk menentukan bahawa sumber peruntukan kewangan diurus dengan cara yang terbaik dan bertanggungjawab.

Peruntukan kewangan yang disediakan haruslah dibelanja mengikut matlamat-matlamat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Peraturan dan tatacara kewangan diperkembangkan dari masa kesemasa bagi mengujudkan sistem pengurusan kewangan yang lebih cekap, dinamik dan produktif. Langkah-langkah untuk mengikis amalan-amalan yang membawa kepada pembaziran dan salah guna sumber-sumber kewangan akan menjadi agenda utama dalam meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan awam. Keperluan peruntukan kewangan perlulah dirancang dengan teliti dan dikaitkan secara langsung kepada program, projek dan aktiviti Jabatan sepanjang tahun. Pembelian harta modal atau peralatan pejabat perlu dirancang keperluannya awal-awal lagi supaya amalan atau kecenderungan melakukan "Christmas Shopping" di tiap-tiap hujung tahun tidak berlaku.

4. Bagi menentukan sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan anggota-anggota perkhidmatan awam perlu mengamalkan dan melaksanakan langkah-langkah berikut: (i) Menerapkan nilai-nilai yang mulia seperti bertanggungjawab, amanah dan jujur dalam mengendalikan sumber-sumber kewangan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita; (ii) Merancang dan mengawal penggunaan sumber-sumber peruntukan bagi menentukan tidak terdapat pembaziran dan juga penggunaan yang tidak dibenarkan; (iii) Mewujudkan sistem maklumbalas yang lebih berkesan melalui mesyuarat yang berjadual yang diadakan daripada semasa kesemasa bagi mengesan, menilai prestasi dan juga penggunaan sumber-sumber kewangan yang telah diperuntukkan kepada jabatan-jabatan; (iv) Mengadakan program latihan yang berterusan dalam bidang pengurusan kewangan bagi anggota-anggota awam disemua peringkat; (v) Memperkembangkan sistem pengurusan kewangan yang ada dengan membangun dan menggunakan sistem-sistem kewangan terkini seperti sistem secara berkomputer; dan yang paling penting ialah (vi) Meningkatkan penglibatan pengurusan atasan dalam pengurusan kewangan.

5. UPP sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menentukan kejayaan pelaksanaan program dan projek pembangunan negara mempunyai peranan yang amat penting untuk menentukan sumber-sumber peruntukan kewangan yang disediakan digunakan dengan baik dan sempurna bagi mengelakkan pembaziran dan mencapai hasrat yang ditetapkan. Di bawah RM7 adalah diharapkan

supaya peranan ini dipertingkatkan lagi. Kualiti dalam sistem pengurusan dan penyelarasan pelaksanaan projek harus ditingkatkan dan diubahsuai dari masa kesemasa. Disamping itu perlu juga diberi perhatian yang serius terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu program dan projek bagi mencapai matlamat pembangunan negara. Saya yakin UPP dapat melaksanakan tanggungjawab ini.

6. Strategi kedua untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam ialah melalui penentuan standard kualiti yang boleh dijadikan sebagai asas untuk menentukan perkhidmatan yang diberikan terus menerus berkualiti tinggi. Bagi melaksanakan program ini Kerajaan telah melancarkan MS ISO 9000 bagi dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam. Konsep piawaian ini menetapkan elemen-elemen asas yang perlu dalam sistem pengukuran kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan agar tahap prestasi perkhidmatan awam adalah bermutu serta mampu memenuhi kehendak pelanggan secara berterusan.

Adalah diharapkan setiap anggota Perkhidmatan Awam memenuhi dan menghayati konsep ini agar pencapaian kerja dan produktiviti dapat memenuhi ukuran kualiti yang ditetapkan.

7. UPP di bawah program peningkatan kualitinya, telahpun menyediakan sebahagian daripada asas-asas penting untuk melaksanakan konsep ini sepenuhnya.

8. Pelaksanaan konsep "Electronic Government" adalah merupakan satu lagi strategi untuk menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai perkhidmatan yang cemerlang. Disamping untuk menghayati kemajuan teknologi multi media, matlamat "electronic government" ini ialah untuk meningkatkan keberkesanan dalam pelbagai transaksi harian, penyimpanan, pemerosesan dan penyampaian maklumat sebagai asas membuat keputusan dengan cara yang lebih berkesan. Saya yakin melaluinya penggunaan ruang dan bilangan kakitangan akan dapat dikurangkan; Persekitaran dan cara kerja akan lebih menarik; dan Produktiviti akan dapat ditingkatkan.

Bagi tujuan ini Kerajaan menetapkan perlaksanaannya bermula di JPM pada akhir 1998. UPP sebagai sebuah agensi yang menggunakan sistem pengkomputeran secara meluas diharap dapat bersama dibarisan hadapan dalam melaksanakan konsep ini. Saya difahamkan UPP telah membangun dan meningkatkan penggunaan sistem-sistem pengurusan secara berkomputer terutama dalam pengurusan kewangan, projek dan khidmat sokongan. Saya berharap ianya dapat dijadikan sebagai satu model yang mungkin boleh digunakan juga oleh agensi- agensi lain.

9. Adalah dijangkakan pada dekad yang akan datang penggunaan multimedia akan semakin meluas dan akan menjadi satu keperluan. Seajar dengan perubahan tersebut penggunaan peralatan elektronik perlu dipertingkatkan dan pembangunan sistem-sistem berkomputer perlu dibuat secara lebih integrated.

Proses pengurusan kewangan berkomputer adalah penting kerana ia berupaya menjimatkan masa, meningkatkan kecekapan, mengurangkan penggunaan tenaga dan mengeluarkan output dalam bentuk maklumbalas yang lebih berguna untuk pihak pengurusan atasan membuat keputusan.

10. Oleh itu saya mencadangkan supaya satu usaha yang komprehensif dilakukan bagi mewujudkan sistem pengurusan berkomputer dengan lebih efektif dan tidak melibatkan kos yang tinggi yang boleh digunakan oleh semua pihak dalam sektor awam.

11. Disamping itu UPP telah membangunkan sistem pengesanan projek SIAP/SETIA (SMBSS) yang menjadi apparatus penting bagi pihak Kerajaan untuk mengesan dan menilai prestasi pelaksanaan program dan projek pembangunan negara. Ia menjadi sumber maklumat penting kepada jentera penyelarasan pembangunan negara sama ada diperingkat Persekutuan, negeri maupun daerah. Kementerian-kementerian boleh dihubung terus dengan UPP bagi meningkatkan penyaluran maklumat dari agensi pelaksana hingga keperingkat yang tertinggi iaitu Jemaah Menteri.

Jika sistem yang dibangunkan ini tidak digunakan dengan sepenuhnya dan data di dalamnya tidak tepat dan terkini maka usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan sistem pengurusan yang berkesan dalam menguruskan program dan projek pembangunan negara tidak akan tercapai sepenuhnya. Oleh itu saya berharap supaya semua pihak iaitu kementerian dan juga jabatan-jabatan memberikan kerjasama dan

sokongan yang sepenuhnya kepada penggunaan sistem ini.

12. Sesuatu sistem yang dibangunkan itu memerlukan penambahbaikan dari masa ke masa mengikut perubahan yang ada. Oleh itu UPP harus sentiasa menilai keupayaan sistem-sistem yang dibangunkan bagi menentukan ianya sentiasa cekap dan berkesan disamping dapat memenuhi kehendak stakeholders.

13. Ketiga-tiga strategi yang saya sebutkan tadi memerlukan kemahiran pengurusan yang tinggi.

Kemahiran pengurusan perkhidmatan awam perlu digembeling dan dipertingkatkan terutamanya dalam memupuk kreativiti. Kreativiti bukan timbul secara natural, malah lahir daripada penelitian yang berterusan. Melalui proses penelitian yang berterusan dalam menangani masalah yang biasanya boleh menghasilkan inovasi, pembaharuan, pendekatan atau kaedah baru dalam pengurusan.

14. Akhir sekali saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada UPP kerana telah memberikan keutamaan yang tinggi dalam melaksanakan program peningkatan kualiti secara berterusan.

Ucapan tahniah juga ditujukan kepada semua pemenang- pemenang anugerah di majlis ini dan berharap ianya dapat memberi galakan untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan. Dengan itu saya dengan sukacitanya melancarkan Hari Kualiti UPP Tahun 1996 ini dan saya berharap kita akan berjumpa lagi pada tahun hadapan.